

AMUNDI MALAYSIA
NOTIS PRIVASI

Notis Privasi ini telah disediakan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") untuk menjelaskan data peribadi yang boleh dikumpul, diguna atau dizahir oleh Amundi Malaysia dan menetapkan cara Amundi Malaysia mengendali data peribadi mengikut PDPA dan undang-undang Malaysia.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa "Amundi Malaysia" merujuk kepada Amundi Malaysia Sdn Bhd dan anak Syarikat pengurusan dana Islam langsungnya, Amundi AAlam Sdn. Bhd.

Notis Privasi ini menerangkan:

- Jenis maklumat peribadi yang kami kumpulkan dan bagaimana kami mengumpulnya
- Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda
- Pihak-pihak yang kami mendedahkan maklumat peribadi tersebut kepada
- Pemindahan data peribadi anda ke luar negara
- Perlindungan dan penzahiran data peribadi anda
- Data peribadi yang tidak lengkap
- Pilihan yang kami tawarkan, termasuk bagaimana untuk mengakses dan mengemas kini maklumat peribadi anda
- Cara untuk menghubungi kami untuk pertanyaan/aduan

Untuk mengelakkan keraguan, Notis Privasi ini terpakai hanya jika anda seorang individu. Notis ini juga bertujuan untuk memberi pelanggan korporat dan institusi (secara kolektif "pelanggan institusi") dengan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan mereka memberi notis kepada individu yang berkaitan dan mendapatkan persetujuan daripada individu-individu yang berkaitan berhubung dengan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran data peribadi oleh Amundi Malaysia yang diterangkan dalam Notis ini dan/atau untuk membolehkan pelanggan institusi tersebut menentukan bahawa penzahiran data peribadi mereka yang diterangkan dalam Notis ini kepada Amundi Malaysia adalah berikutan dengan PDPA. Individu yang berkaitan tersebut mungkin termasuk pemilik benefisial, rakan kongsi, ahli jawatankuasa, pengarah, pegawai atau penandatanganan yang diberi kuasa, wakil, peniaga, pekerja pelanggan institusi dan orang semula jadi lain yang berkaitan dengan pelanggan institusi.

Apabila individu yang berkaitan gagal membekalkan maklumat atau data yang relevan atau menarik balik persetujuan berkenaan dengan penggunaan dan/atau penzahiran maklumat atau data yang berkaitan seperti yang diterangkan dalam Notis ini, Amundi Malaysia mungkin tidak dapat membuka atau terus mengurus akaun, atau menubuhkan atau terus menyediakan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan institusi. Amundi Malaysia akan memaklumkan kepada pelanggan institusi tentang kemungkinan akibat -akibat apabila individu yang berkaitan menarik balik persetujuan yang diberikan atau dianggap telah diberikan.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- "Maklumat peribadi" merujuk kepada apa-apa maklumat, sama ada benar atau tidak, yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut, atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain yang mana organisasi mempunyai atau mungkin mempunyai akses kepada. Maklumat ini termasuk pengecam unik (cth. nombor kad pengenalan, nombor pasport); serta mana-mana set data (cth. nama, umur, alamat, nombor telefon, pekerjaan, dll.) yang apabila diambil bersama akan dapat mengenal pasti individu tersebut.
- "Maklumat peribadi sensitif", merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan kesihatan atau keadaan fizikal atau mental individu, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, data biometrik, perbuatan atau dakwaan melakukan apa-apa kesalahan oleh individu.
- "kami" merujuk kepada Amundi "anda" merujuk kepada anda

Jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpul Dan Bagaimana Kami Mengumpulnya:

Untuk membolehkan kami menangani pertanyaan anda, menguruskan portfolio pelaburan untuk anda dan/atau untuk secara amnya menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan ("produk dan perkhidmatan") kami, kami mungkin perlu dan/atau dikehendaki untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "proses") maklumat peribadi dan maklumat kewangan mengenai anda (termasuk data peribadi sensitif), termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. maklumat peribadi untuk mengesahkan identiti dan latar belakang anda, seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon, dokumen pengenalan diri atau nombor (seperti nombor I/C anda), alamat, ketinggian, berat badan, jantina, umur, tarikh lahir, kewarganegaraan, bangsa, status perkahwinan, pekerjaan, rakaman foto dan video;
- b. maklumat peribadi untuk mengesahkan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda, di mana diperlukan, seperti skor kredit dan butiran akaun bank anda; dan/atau
- c. maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami, seperti pilihan anda.

Kami mungkin mendapatkan maklumat ini daripada anda dan/atau dari pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. melalui hubungan anda dengan kami, contohnya maklumat yang diberikan oleh anda dalam borang permohonan, perjanjian yang anda telah masuk dengan kami, apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami;
- b. melalui komunikasi lisan dan bertulis anda dengan kami;
- c. dari analisis cara anda menggunakan dan menguruskan produk dan/atau perkhidmatan pelaburan anda dengan kami, daripada transaksi yang anda jalankan dan daripada bayaran yang dibuat kepada / daripada pelaburan anda;
- d. daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti pertubuhan-pertubuhan yang anda mewakili atau penasihat kewangan anda, tertakluk kepada persetujuan terdahulu anda; dan/atau
- e. maklumat dan data yang dikumpul seperti imej, gambar, video, rakaman CCTV, rakaman suara apabila anda mengambil bahagian dalam acara yang dianjurkan oleh Amundi Malaysia, seperti majlis, seminar atau pertandingan;
- f. daripada prosedur penilaian wajar, termasuk proses Kenali Pelanggan Anda ("KYC") yang dijalankan oleh kami dan/atau pembekal perkhidmatan kami

- g. daripada apa-apa sumber-sumber lain yang berkenaan dengannya di mana anda telah memberi kebenaran untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana ia tidak sebaliknya dihadkan.

Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk satu atau lebih daripada tujuan yang berikut:

- a. untuk memasti dan mengesahkan identiti anda ;
- b. untuk menilai permohonan/pertanyaan anda bagi produk dan perkhidmatan kami;
- c. untuk memproses sebarang transaksi anda berkenaan produk-produk dan perkhidmatan kami;
- d. untuk mengurus dan mengekalkan portfolio pelaburan anda dengan kami ;
- e. untuk menguruskan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami dengan lebih baik;
- f. untuk memberitahu anda tentang manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri produk dan perkhidmatan;
- g. untuk menyiarkan gambar atau imej visual anda di intranet, laman sesawang dan lain lain penerbitan dari Amundi Malaysia
- h. untuk membalas pertanyaan dan aduan anda dan secara amnya untuk menyelesaikan pertikaian;
- i. untuk mengemas kini, menyatukan dan meningkatkan ketepatan rekod kami;
- j. untuk menghasilkan data , laporan dan statistik yang telah anonim atau diagregatkan dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai seorang individu;
- k. untuk menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis dan/atau perangkaan;
- l. untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- m. untuk menilai risiko kewangan dan insurans;
- n. untuk menjalankan pemeriksaan pencegahan perubahan Wang; untuk pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah dan/atau;
- o. untuk sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang , peraturan-peraturan , garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan.

Kami akan meminta kebenaran anda sebelum menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan dalam terma-terma privasi dalam perjanjian anda dengan kami.

Penzahiran Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan kami dan pengurusan dan/atau operasinya, kita mungkin dikehendaki atau perlu mendedahkan maklumat mengenai anda dan/atau portfolio pelaburan anda dengan kami kepada pihak-pihak ketiga seperti berikut:

- a. syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai ejen-ejen kami dan/atau penasihat profesional kami;
- b. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam pemprosesan dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi yang anda minta;
- c. mana-mana orang lain yang anda nyatakan yang diberi kuasa untuk memberi arahan atau untuk menggunakan produk atau perkhidmatan bagi pihak anda;

- d. mana-mana pihak ketiga akibat mana-mana penyusunan semula pelaburan anda atau penjualan hutang, atau pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Amundi, dengan syarat mana-mana penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama is pada asalnya dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- e. mana-mana pihak berkuasa dan/atau pengawal selia yang berwibawa; dan/atau
- f. syarikat yang berkaitan dengan/syarikat gabungan Amundi Malaysia.

tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang, (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang berkenaan dengan Amundi (sama ada di dalam atau di luar Malaysia).

Kami sebaliknya akan mengendalikan maklumat peribadi anda sebagai sulit dan peribadi dan tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa di luar Amundi kecuali:

- a. di mana anda telah memberi kebenaran;
- b. di mana kami diwajibkan atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- c. di mana ianya dikehendaki atau diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Amundi;
- d. di mana kami mungkin memindahkan hak dan kewajipan di bawah perjanjian ini;
- e. di mana kami diwajibkan untuk memenuhi kewajipan kami kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Pemindahan Data Peribadi Ke Luar Negara

Amundi Malaysia boleh memindahkan data peribadi anda ke Ibu Pejabat kami di Perancis untuk mematuhi sebarang kewajipan, keperluan, dasar, prosedur, langkah atau pengaturan untuk berkongsi data dan maklumat mengikut program Kumpulan Amundi untuk mematuhi sekatan atau pencegahan atau pengesanan pengubahan wang haram, pembiayaan penganas atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang atau untuk sebarang tujuan lain yang dibenarkan seperti yang diterangkan dalam Polisi ini. Data peribadi anda akan dilindungi mengikut PDPA dan undang-undang dan peraturan tempatan (termasuk sebarang tindakan dan perintah kerajaan) di negara tersebut.

Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

Amundi meletakkan kepentingan di dalam memastikan keselamatan maklumat peribadi anda. Kami kerap kali mengkaji semula dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini apabila memproses maklumat peribadi anda.

Kakitangan Amundi dilatih untuk mengendalikan maklumat peribadi dengan selamat dan dengan kerahsiaan yang ketat, di mana sekiranya tidak, mereka mungkin dikenakan tindakan tatatertib.

Pengekalan Maklumat Peribadi Anda

Amundi akan menyimpan maklumat peribadi anda dengan mematuhi Notis Privasi ini dan / atau terma dan syarat perjanjian anda dengan entiti Amundi:

- (i) untuk jangka masa hubungan anda dengan kami;
- (ii) untuk apa-apa tempoh sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan Amundi dan/atau pelanggannya sepertimana yang dianggap perlu dan/atau;
- (iii) jika sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang.

Apakah Sekiranya Maklumat Peribadi Yang Anda Berikan Adalah Tidak Lengkap?

Ia mungkin wajib untuk anda dalam keadaan tertentu untuk memberikan maklumat peribadi tertentu untuk membolehkan kami memproses permohonan anda atau menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan kami. Jika anda tidak dapat atau menolak untuk memberikan maklumat peribadi wajib itu, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan yang tersebut.

Hak Anda sebagai Subjek Data

Kami boleh membantu anda untuk mengakses, membetulkan atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda yang diberikan kepada kami seperti berikut:

- a. di mana anda ingin mempunyai akses kepada maklumat peribadi anda dalam simpanan kami;
- b. di mana anda berpendapat bahawa maklumat peribadi tersebut yang dipegang oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau jika berkaitan, tidak terkini;
- c. di mana anda ingin menggunakan hak anda untuk meminta kami mengehadkan pemprosesan dan penggunaan data peribadi anda (contohnya, meminta kami berhenti menghantar sebarang bahan pemasaran dan promosi kepada anda atau menghubungi anda untuk tujuan pemasaran);
- d. di mana anda ingin menarik balik, secara sepenuhnya atau sebahagian, persetujuan anda yang diberikan sebelum ini, dalam setiap kes tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan, syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah; atau
- e. di mana anda ingin memindahkan data peribadi anda kepada pengawal data lain, tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format.

anda boleh membuat permintaan kepada kami dengan menghubungi kami di alamat yang dinyatakan di akhir Notis Privasi ini atau sebagai alternatif anda boleh membuat permintaan tersebut melalui Borang Permintaan Akses Data kami atau Borang Permintaan Pembetulan Data. Borang ini boleh didapati di pejabat-pejabat kami.

Kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk mematuhi permintaan anda mengenai maklumat peribadi anda dalam masa 21 hari dari tarikh penerimaan Borang Permintaan Akses Data/Borang Permintaan Pembetulan Data yang lengkap dan yuran pemprosesan yang berkenaan (jika ada).

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan tertentu, sebagai contoh apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersial yang sulit atau apabila terdapat permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda sebab-sebab mengapa tidak dapat akur dengan permintaan anda.

Sila juga ambil perhatian bahawa Amundi mungkin menggunakan budi bicaranya dalam membenarkan permintaan untuk pembetulan dan/atau mungkin mengehendaki keterangan

dokumentari lanjut mengenai maklumat yang baru tersebut untuk mengelakkan penipuan dan ketidaktepatan.

Anda juga boleh membantu kami untuk memastikan maklumat peribadi anda (seperti alamat semasa anda) adalah terkini, kerana ia akan membolehkan kami untuk melayani anda dengan lebih baik.

Pertanyaan / Aduan / Komunikasi

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, masalah atau aduan berkaitan dengan Notis Privasi ini, sila hubungi kami pada waktu pejabat (antara [9:00-06:00] - Isnin hingga Jumaat) pada titik perhubungan yang berikut:

Alamat Menyurat :

Amundi Malaysia Sdn. Bhd.
Level 29, Integra Tower
The Intermark, 348, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Untuk Perhatian :

Pegawai Perlindungan Data/Compliance Officer

Nombor Telefon:

+603 2716 1688

Nombor Faks :

+603-2716 1699

Lain-lain / Pelbagai

Tiada apa-apa dalam Notis Privasi ini akan mengehendkan hak anda atau hak Amundi Malaysia di bawah PDPA.

Notis Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia menurut keperluan yang ditetapkan oleh Seksyen 7(3) PDPA. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis Privasi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.